

05 AUG 1998

SHAHIDAN MAHU SINGAPURA CONTOHI SIKAP TOLERANSI THAILAND

KANGAR, 5 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim mahu Singapura mencontohi sikap toleransi Thailand dalam menyelesaikan sesuatu masalah terutama yang membabitkan hubungan dengan Malaysia.

Banyak masalah terutama di kawasan sempadan telah dapat diselesaikan dalam suasana harmoni dan yang terbaru ialah penyelesaian isu pencerobohan sembilan penduduk tempatan ke kawasan Thailand, katanya.

"Jika Thailand boleh berbuat demikian, Singapura juga tentu boleh melakukannya," katanya kepada para pemberita selepas mesyuarat EXCO kerajaan negeri di sini, hari ini.

Semalam, sembilan penduduk tempatan itu dibebaskan dengan hanya dikenakan denda oleh pihak berkuasa Thailand kerana tuduhan menceroboh hutan simpanan negara itu.

Mereka masuk ke wilayah Thailand untuk mengusahakan dusun warisan keluarga di banjaran Nakawan tanpa menyedari kawasan itu hutan simpanan negara itu.

Menteri Besar berkata, rakyat Perlis akan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu yang berbangkit di Singapura.

Tindakan Singapura mendesak Malaysia memindahkan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) dari Tanjong Pagar ke Woodlands mulai Sabtu lalu menjadi punca ketegangan terbaru yang berlaku antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AD PR